

B519  
DADAH-MAHATHIR  
(1)

1981

102

KUALA LUMPUR, 2 NOV. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA MASYARAKAT ANTARABANGSA MENGAMBIL LANGKAH-LANGKAH BERANI BAGI MEMBENTERAS PENYALAHGUNAAN DADAH YANG MENGANCAM KETAHANAN JENERASI AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN PERHATIAN, PERSEFAHAMAN DAN KONSEP MENGENAI PENYALAHGUNAAN DADAH SEMATA-MATA TIDAK BERERTI DAN KOSONG SAHAJA KECUALI TINDAKAN BERANI DIAMBIL BAGI MENJAMIN HASILNYA.

BERUCAP MERASMIKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA YANG KETIGA BADAN-BADAN KUKAN KERAJAAN MENGENAI PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENGGUNAAN DADAH SELAMA EMPAT HARI DI SINI, BELIAU BERKATA ADALAH MENGECEWAKAN BAGI SEMUA PIHAK SEKIRANYA SEMUA KETETAPAN DAN PERAKUAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA, TERMASUK PERSIDANGAN TERSEBUT, TIDAK MENAMPAKKAN FASA PERLAKSANAANNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN DI PIHAK MALAYSIA, MASALAH DADAH MASIH LAGI MENJADI MUSUH UTAMANYA DAN KERAJAAN TELAH MENGISYTIHARKANNYA SEBAGAI MASALAH KESELAMATAN. --BERSAMBUNG 1227/MD

#### DADAH-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KERAJAAN, TAMBAHNYA, TELAH MEMBELANJAKAN LEBIH \$100 JUTA UNTUK PELBAGAI RANCANGAN PENCEGAHAN DADAH.

+APA YANG PENTING IALAH BUKAN JUMLAHNYA TETAPI HASILNYA,+ TEGAS BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN AKAN MEMANJANGKAN BANTUAN KEPADA PEMADAM DAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN SUPAYA NEGARA DAPAT MENGHADAPI MASALAH DADAH DARI SEMUA PENJUJUR.

BELIAU MENYERU SEMUA ANGGOTA MASYARAKAT SUPAYA MELIBATKAN DIRI DALAM PERJUANGAN MENENTANG DADAH.

KATANYA: +KAMI DALAM KERAJAAN BUKAN SAHAJA AKAN MEMBANTU BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN TETAPI JUGA MENGHARAPKAN USAHA MEREKA DALAM MENOKOK-TAMBAH USAHA-USAHA KERAJAAN SECARA BERKESAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA BELIAU TERHARU DENGAN SIKAP ENDAH TAK ENDAH DAN KETIADAAN SEMANGAT BERTINDAK CEPAT DI KALANGAN BERBAGAI-BAGAI PROFESION DAN JURUSAN YANG HANYA MEMPERTIKAIKAN TENTANG MASALAH ITU TETAPI TIDAK PULA BERBUAT APA-APA. --BERSAMBUNG 1235/MD

PERDANA MENTERI MENEGASKAN MASALAH DADAH SELAIN DARI MENJADI SATU MASALAH JUGA MERUPAKAN SATU PERTANDA TENTANG BANYAK MASALAH SOSIAL SEMASA.

+KEHANCURAN PENGARUH KEKELUARGAAN, PENGHIJRAHAN KE BANDAR-BANDAR DAN BERTAMBAH LEMAHNYA PEGANGAN AGAMA DAN NORMA-NORMA SOSIAL MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA MASALAH-MASALAH YANG MENYUMBANG TERHADAP MASALAH DADAH YANG SEMAKIN RUMIT SEKARANG+, UJARNYA.

BELIAU MENJELASKAN MASALAH ITU SAMA SEPerti PERSOALAN MENGENAI AYAM DAN TELUR — YANG MANA KELUAR DAHULU.

+DALAM HAL DADAH, SEKIRANYA KITA CUBA MEMULIHKAN MASALAH SOSIAL TERLEBIH DAHULU, TIDAK MUNGKIN PENULARAN DADAH AKAN MENYEKAT KEJAYAAN.

+SEBALIKNYA JIKA KITA CUBA MENGATASI MASALAH DADAH TANPA MENGIRAU MASALAH SOSIAL TIDAK MUNGKIN JUGA TIDAK AKAN BERJAYA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JAWAPAN YANG NYATA TERHADAP MASALAH ITU IALAH DENGAN BERTINDAK SECARA BESAR-BESARAN IAITU MENGATASI KEDUA-DUA MASALAH DADAH YANG BERKAITAN SEKALI GUS.

BELIAU MENEGASKAN BAGI MENCAPAI MATLAMAT MENGHAPUSKAN PENGGUNAAN DAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI NEGARA INI, KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBIARKAN MENULARNYA PERASAAN CEMBURU DI KALANGAN KUMPULAN ATAU PROFESION. —BERSAMBUNG 1308/MD

B527

DADAH-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA ASEAN YANG MERUPAKAN PUNCA DAN YANG BANYAK MEMIKUL MASALAH DADAH ANTARA-BANGSA SEHARUSNYA MENDAPAT PERHATIAN YANG LEBIH DARI MASYARAKAT ANTARABANGSA.

MENURUTNYA, ADALAH UNTUK KEPENTINGAN MASYARAKAT DUNIA BAGI MEREKA BUKAN SAHAJA SETAKAT MEMBANTU ASEAN MENGURANGKAN BEKALAN DADAH TETAPI JUGA MENGURANGKAN PERMINTAANNYA.

+DUNIA AKAN MENERIMA FAEDAH YANG BESAR SEKIRANYA MASALAH DADAH DI RANTAU ASEAN BERKURANGAN JIKA TIDAK PUN DIHAPUSKAN SAMA SEKALI+, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEKANKAN BAHAWA MALAYSIA MENYEDARI TENTANG BETAPA BESARNYA MASALAH DADAH DAN JUSTERU ITU TELAH MENGISYTIHARKANNYA SEBAGAI SATU MASALAH KESELAMATAN.

MALAYSIA, UJAR BELIAU, TELAH MEMANJANGKAN KONSEP INI BAGI DITERIMA OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA DI SESSI KE-28 SURUHANJAYA MENGENAI DADAH NARKOTIK DI GENEVA PADA TAHUN 1979.

+KAMI GEMBIRA KERANA SIDANG KE-96 PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU TELAH MENGIKTIRAF ANCAMAN YANG SEMAKIN MELUAS AKIBAT PENGGUNAAN DADAH DAN KESANNYA YANG SERIUS KE ATAS KESIHATAN MANUSIA, KEMAJUAN EKONOMI DAN KESELAMATAN NASIONAL DI BEBERAPA BUAH NEGARA+, KATANYA. --BERSAMBUNG  
1335/MD

B528

DADAH-MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

SEBANYAK 22 BUAH NEGARA MENYEERTAI PERSIDANGAN ITU YANG DIANJURKAN OLEH PEMADAM DAN DITAJA OLEH SEKRETARIAT NARKOTIK MALAYSIA DENGAN KERJASAMA BIRO RANCANGAN COLOMBO DAN MAJLIS ANTARABANGSA MENGENAI ALKOHOL DAN PENAGIHAN (ICAA).

DI ANTARA 80 PESERTA KE SIDANG ITU TERMASUK DARI NEGERI THAI, INDONESIA, PHILIPINA, SINGAURA, MALAYSIA, HONG KONG, SRI LANKA, AMERIKA SYARIKAT, BRITAIN DAN NEPAL. --BERNAMA 1338/MD